

**PTPTN:
Khaled setuju**

JOHOR BAHRU 18 Jun - Kementerian Pengajian Tinggi menyokong tindakan yang diambil oleh Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) menghentikan pinjaman kepada mahasiswa yang memperoleh Purata Nilai Gred Semester (PNG) 2.0 ke bawah.

Menterinya, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, tindakan itu perlu bagi mengelak berlakunya pembaziran wang pembayar cukai dengan memberi pinjaman pendidikan kepada mereka yang tidak minat belajar.

"Kita harus bertindak cepat kerana semua perlu ingat bahawa pinjaman PTPTN merupakan wang rakyat daripada pembayaran cukai," katanya.